

Kerajaan disaran terus beri subsidi, ubah dasar import

Berita Harian · 13 Sep 2022 · Oleh Alzahrin Alias zahrin@bh.com.my

Langkah elak lonjakan harga barang berulang, kurangkan risiko kenaikan inflasi



Kuala Lumpur: Kerajaan perlu meneruskan subsidi dan mengubah dasar produk import negara bagi mengelak lonjakan harga barang berulang, sekali gus meningkatkan inflasi. Ringgit ketika ini menyusut berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan ditambah dengan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia (BNM), baru-baru ini. Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) Business School, Prof Madya Dr

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata penyusutan ringgit tidak dapat

Sementara itu, Khairy juga berkata HSM akan dinaik taraf sebagai hospital pakar utama dalam tempoh tiga tahun lagi, bagi memberi perkhidmatan lebih baik kepada pesakit.

Katanya, hospital itu memenuhi kriteria dan syarat diperlukan selepas bangunan tambahan bernilai RM515 juta siap sepenuhnya kelak.

Beliau berkata, kos pembinaan dinafikan berkaitan dengan kenaikan OPR.

Katanya, kenaikan OPR terpaksa dilaksanakan oleh BNM berikutan perubahan pasaran kewangan global kesan dari Bank Pusat AS menaikkan kadar faedah bagi menangani kadar inflasi yang tinggi di negara itu.

“Dua keadaan ini menaikkan harga barang import Malaysia. Kenaikan harga barang import terutama makanan menjadi masalah utama kepada kita kerana dahulunya berjumlah RM55 bilion setahun, sebelum naik sehingga RM63 bilion tahun lalu.

“Kini ia dijangka terus naik selari kemerosotan ringgit yang mencecah RM4.50 berbanding dolar AS,” katanya.

Aimi berkata, kadar inflasi negara juga mencapai 4.4 peratus pada Julai, kadar tertinggi tahun ini.

Katanya, kadar itu dijangka meningkat mencapai 11 peratus jika kerajaan tidak memberikan subsidi.

Bagi menangani isu itu, katanya, kerajaan perlu mengubah import barangan dalam nilai dolar AS kepada yang lebih stabil seperti Yen atau Yuan.

“Kita boleh membuat perjanjian perdagangan dengan negara lain, terutama barang import dgn mata wang lain dari dolar AS atau sistem barter trade.

“Kerajaan juga perlu menggalakkan pertanian domestik untuk bekalan makanan negara distabilkan. Beri galakan insentif seperti pengecualian cukai untuk pelaburan individu dan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada individu dan syarikat.

“Syarikat GLC yang mengeksport pula perlu menukar penerimaan wang mereka serta merta dalam ringgit untuk menguatkan mata wang kita,” katanya.

Amal perbelanjaan berhemat Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff melihat kenaikan OPR secara teorinya akan menurunkan kadar inflasi.

Beliau berkata, kemerosotan ringgit akan menyebabkan harga barang import menjadi lebih mahal, sekali gus boleh menyebabkan kenaikan harga barang import yang dijual di pasaran tempatan dan juga barang tempatan yang menggunakan barang import sebagai satu komponen barang itu.

“Tindakan pantas yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengawal kenaikan inflasi ialah meneruskan subsidi sedia ada, di samping mengurangkan kebergantungan kepada barang import dengan memperkasa pengeluaran domestik.

Bagi orang ramai pula, sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemat dan mengikut kemampuan masing-masing,” katanya.